

Headline	Maklumkan TNB jika premis dinaiki air		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	21 Sep 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	36
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	150 cm ²		
PR Value	RM 5,916		



Maklumkan TNB jika premis dinaiki air

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mewajah orang ramai memaklumkan kepada pihaknya jika premis dinaiki air semasa banjir kilat akibat fenomena air pasang.

Pengurus Besar Kanan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin berkata, orang ramai diminta berbuat demikian bagi memudahkan pihaknya menghentikan bekalan elektrik untuk keselamatan.

Katanya, TNB sentiasa mengawasi keadaan dari semasa ke semasa dan akan menutup bekalan ke pencawang di kawasan terlibat sekiranya paras air mencecah tahap bahaya.

"Penutupan bekalan elektrik ke kawasan terlibat dibuat untuk sementara waktu demi memastikan keselamatan orang awam terjamin."

"Bekalan elektrik akan disambung semula setelah air banjir surut dan keadaan kembali selarasnya."

"Orang ramai boleh menghubungi pejabat TNB berdekatan, TNB Careline 15454 atau laman Facebook *TNBCareline* untuk sebarang pertanyaan."

Tambah Mohd. Aminuddin, pengguna yang premis mereka dinaiki air juga perlu menghindari penggunaan sebarang peralatan elektrik dan memastikan suis utama ditutup bagi mengurangkan renjatan elektrik.

"Ibu bapa perlu sentiasa mengawasi tindak-tanduk anak-anak mereka agar tidak meng-

hampiri tiang elektrik yang tumbang atau wayar elektrik yang terputus semasa banjir kerana arus elektrik mungkin masih mengalir."

"Malah, setelah air banjir surut, pengguna perlu memastikan suis elektrik dan perkakas elektrik yang terendam dalam air diperiksa dan diuji terlebih dahulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga sebelum menggunakan kembali," jelasnya.

Orang ramai boleh menghubungi pejabat TNB berdekatan, TNB Careline 15454 atau laman Facebook *TNBCareline* untuk sebarang pertanyaan."

bung pejabat TNB berdekatan, TNB Careline 15454 atau laman Facebook *TNBCareline* untuk sebarang pertanyaan."



**Penutupan
bekalan elektrik
ke kawasan
terlibat dibuat
untuk sementara
waktu demi
memastikan
keselamatan
orang awam
terjamin."**

**IR. MOHD.
AMINUDDIN MOHD.
AMIN**
**Pengurus Besar Kanan
Hal Ehwal Korporat
dan Komunikasi TNB**